

Wanita perlu bersedia hadapi cabaran: PM

JH 15 NOV 1989

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pelbagai kegiatan, termasuk bidang politik, ekonomi dan sosial yang dijalankan oleh Pergerakan Wanita Umno sepanjang 40 tahun lalu dapat memperbaiki dan mantapkan pergerakan itu.

Perdana Menteri berkata, berasaskan usia yang lebih matang itu, ahli pergerakan itu bertambah mahir dalam merancang dan membuat keputusan bagi memajukan pergerakan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyatakan demikian dalam perutusannya di buku cenderamata sambutan ulang tahun ke-40 Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, esok.

Kira-kira 3,500 pemimpin dan ahli pergerakan itu serta Barisan Nasional akan hadir di majlis itu yang bermula jam 2.30 petang. Pementasan mengenai perjuangan Wanita Umno sejak 40 tahun lalu akan dipersembahkan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sempena ulang tahun itu, ahli pergerakan itu seharusnya menoleh ke belakang dengan mengambil iktibar daripada perjuangan lalu supaya dijadikan panduan dalam menempuh perjuangan masa depan yang mencabar.

"Adalah perlu ahli pergerakan mengemaskinikan

dan mempertingkatkan perediaan untuk menghadapi segala cabaran tahun 1990-an.

"Marilah kita semua rapatkan barisan, mengembleng tenaga dan mempertingkatkan usaha bekerjasama agar cita-cita murni parti dan negara dicapai," katanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz dalam perutusannya pula, berkata sejak 40 tahun lalu, pergerakan itu menempuh pelbagai cabaran serta melihat perubahan politik, sosial dan ekonomi.

Menurutnya, ahli pergerakan itu perlu bersiap sedia dan berupaya menghadapi masa depan yang lebih mencabar, di samping menyesuaikan diri dengan keadaan semasa serta mengekalkan semangat perjuangan yang tulen.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu berkata, sepanjang 40 tahun lalu, pergerakan itu sudah memberi banyak sumbangan kepada perjuangan parti, orang Melayu, masyarakat dan negara.

"Sumbangan secara langsung itu dapat diberikan dengan kesedaran semua lapisan pemimpin dan ahli mengenai tanggungjawab mereka sebagai ahli Umno serta memikul beban perjuangan demi bangsa, agama dan negara," katanya.